

Newspaper	Berita Harian
Date	7 March 2016

Terserah MT ambil tindakan: Najib

Johor Bahru: Datuk Seri Najib Razak berkata, terserah kepada Majlis Tertinggi (MT) dan Jawatankuasa Disiplin UMNO bagi mengambil tindakan terhadap pemimpin parti itu yang bersekongkol dengan pembangkang.

Perdana Menteri berkata, ramai ahli dan pemimpin UMNO menyuarakan kekecewaan dengan tindakan mereka yang bekerjasama dengan pembangkang yang diketuai oleh Penasihat DAP, Lim Kit Siang.

"Saya tengok rata-rata dalam kalangan pemimpin dan ahli UMNO mereka marah dan kecewa dengan tindakan Tun Dr Mahathir (Mohamed) untuk sepakat dengan pembangkang, malah sedutan ucapan Tun Dr Mahathir diviralkan sekarang, antaranya dia selar Lim Kit Siang sebagai pemimpin rasis dan DAP sebagai parti cauvinis.

"Kedua-dua pemimpin, (Tan Sri Muhyiddin Yassin) dan Tun Dr Mahathir menyelar Kit

Siang dan DAP dengan jelas sebab itulah ahli dan pemimpin UMNO tak boleh terima apa yang dilakukan sebab mereka tahu pendirian parti DAP selama ini.

"Apa yang dilakukan mereka (Dr Mahathir dan Muhyiddin) anggap satu kesilapan besar," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Johor, di Galleria@Kota Raya, di sini semalam.

Yang turut hadir isteri Najib,

Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Husni Hanadzlah dan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin.

Beliau mengulas pembabitatan Muhyiddin dan beberapa lagi pemimpin UMNO yang bersama pembangkang menandatangani Deklarasi Rakyat bagi menjatuhkan Perdana Menteri.

BSH-7/3/2016